

14/06/1998

DAP dedah belang

KUANTAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan DAP melarang semua anggota parti itu membuat kenyataan akhbar menunjukkan belang parti itu yang sebenar.

Sambil membidas DAP kerana tidak mengamalkan demokrasi, Perdana Menteri berkata, parti itu sering mengkritik kerajaan dengan mendakwa kononnya negara ini tiada kebebasan akhbar, tetapi DAP sendiri melarang ahlinya bercakap kepada media.

"Ini belum jadi kerajaan, kalau jadi kerajaan, kerajaan DAP tidak boleh bercakap dengan media.

"Jadi, kita sudah nampak belang mereka," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan kilang Pahang Cement Sdn Bhd (Pahang Cement) di Bukit Sagu, kira-kira 50 kilometer dari sini, semalam.

Dr Mahathir mengulas kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib DAP, Ahmad Nor, kelmarin, yang mengeluarkan arahan melarang semua cawangan dan pemimpin DAP membuat kenyataan akhbar mengenai isu tindakan parti itu terhadap tiga anggota jawatankuasa tertingginya.

Ahmad berkata, anggota yang mengingkari arahan itu, termasuk Setiausaha Agung parti, Lim Kit Siang, akan dikenakan tindakan tatatertib.

Perdana Menteri berkata, DAP sebenarnya mengamalkan dasar nepotisme, bukannya kerajaan.

"Ini kerana Kit Siang sedang melatih anaknya, Lim Guan Eng, yang juga Timbalan Setiausaha Agung, untuk mengambil alih pimpinan DAP.

"Apabila anaknya didapati bersalah oleh mahkamah, dia menggunakan parti untuk menagih simpati," katanya.

Dr Mahathir berkata, Guan Eng dibicarakan secara adil sebelum didapati bersalah.

"Bukan saya jadi hakim dan oleh itu, keputusan hakim mesti dihormati seperti Kit Siang memberitahu kerajaan banyak kali sebelum ini supaya berbuat demikian.

"Dia menuduh keputusan itu berat sebelah tetapi apabila Umno diisytiharkan haram, DAP menyatakan mahkamah bersikap adil," katanya.

(END)